

SOALAN NO : 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]
TARIKH : 3 APRIL 2014
SOALAN :

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai syarikat-syarikat yang membekalkan peralatan perubatan di Hospital Umum Kuching Sarawak serta peralatan yang mereka bekalkan. Senaraikan jumlah pembelian daripada syarikat yang disenaraikan dari tahun 2000 sehingga sekarang.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa sentiasa melaksanakan perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan samada melalui tender terbuka, sebutuharga dan lain-lain kaedah perolehan bagi meningkatkan perkhidmatan perubatan kepada pesakit di hospital kerajaan termasuk Hospital Umum Sarawak (HUS).

Untuk makluman, semua perolehan sama ada secara belian terus, sebut harga atau tender yang dilaksanakan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri ataupun hospital adalah dilaksanakan mengikut tatacara perolehan kerajaan sebagaimana yang telah ditetapkan melalui pekeliling-pekeliling perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai Lembaga Perolehan Persekutuan peringkat negeri masing-masing dengan had nilai perolehan tidak melebihi RM30 juta bagi tender-tender kerja, bekalan atau perkhidmatan. Semua perolehan adalah dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada pembuat atau pembekal tempatan seperti dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 tahun 2009.

Sehingga tahun 2013, HUS telah membuat perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan sebanyak RM40 juta yang melibatkan 310 peralatan yang dibekalkan oleh 106 syarikat. Kesemua perolehan ini adalah berdasarkan kepada keperluan HUS bagi perkhidmatan kepada pesakit di hospital berkenaan.